



DR. ZAITON HAJI AJAMAIN (Hajah) dilahirkan pada 1 Disember 1952, di Kampung Buang Sayang, Papar. Mendapat pendidikan sekolah rendah di Papar, sebelum melanjutkan pelajaran menengahnya di Maktab Sabah, Kota Kinabalu. Beliau kemudiannya melanjutkan pelajarannya di University of Newcastle Upon Tyne, England dalam bidang kritikan dan apresiasi drama. Mantan Ketua Bahagian Kesusasteraan Melayu Antarabangsa di Dewan Bahasa dan Pustaka Kuala Lumpur ini mula menulis pada tahun 1965, beliau sering menggunakan nama pena seperti Zarni, Zaiton Aji, Norzaiton Aji dan Azha Lailatul Farhan. Dalam bidang penulisan, beliau menulis puisi, cerpen dan esei/kritikan. Karya pertama beliau iaitu puisi berjudul *Diplomasimu* tersiar di dalam majalah BORNEAN terbitan sekolah Maktab Sabah, Kota Kinabalu pada tahun 1965 dan puisi pertama beliau yang tersiar dalam akhbar adalah *Sepasang Bunga*

Kembang (Daily Express, 27 Julai 1970). Beliau mula menulis cerpen dalam tahun 1970 untuk terbitan radio di Radio Televisyen Malaysia (RTM). Karya-karya beliau termuat dalam antologi bersama seperti *Berhati Nabi Berwajah Ibu*, *Gema Membelah Gema 7*, *Suara ASAS*, *Titian Rasa*, *Rakaman Rasa*, *Antologi Puisi Semantan*, *Kekasih*, *Ujana Laut Ujana Hati*, *Mengenangmu Puisi-puisi Melayu Berunsur Islam*, *Puisi Baharu Melayu*, *Hadiah Hari Lahir*, *Nyanyi dari Desa*, *Jalan ke Hujung Taman*, *Al-Kahfi* dan *Temu Puisi III*.

Kumpulan puisi perseorangan beliau pula adalah *Bagai Layang-layang*, selain itu cerpen-cerpen beliau juga terdapat di dalam antologi *Medang* dan *Itulah Ceritaku* (cerpen remaja), *Angin dari Timur dan Merening*. Karya-karya beliau juga tersiar di dalam akhbar dan majalah seperti *Sabah Times*, *Daily Express*, *Berita Minggu*, *Dewan Siswa*, *Dewan Sastera*, *Dewan Bahasa*, *Dewan Masyarakat* dan majalah *Wadah*. Dr. Hajah Zaiton Haji Ajamain pernah memenangi Hadiah Sastera Sabah 1988/89 melalui puisinya bertajuk *Bagai Kerdipan yang Telah Sirna* dan puisi *Suatu Waktu Merindu* dan *Puisi Reaksi kepada Integrasi* memenangi Hadiah Sastera Sabah 1992/1993. Beliau menerima Anugerah Tokoh Penyair Islam Sabah pada tahun 1995.